



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP

Keratan Akhbar

Berita Online

i

BERITA

24 JAM

KPDN

KERATAN AKHBAR & BERITA ONLINE

Untuk makluman:

- YB Menteri
- YB Timbalan Menteri
- YBhg. KSU
- YBhg. TKSU (PPDN)
- YBhg. TKSU (PP)
- Setiausaha Akhbar

Tarikh: 17 DISEMBER 2024



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP

KERATAN AKHBAR **UMUM**

Bekalan sayur kurang, harga naik 3 kali ganda

Peniaga dakwa musim tengkujuh jejas pengeluaran, kos pengangkutan meningkat

Oleh Hazira Ahmad Zaidi
bhnews@bh.com.my

Kota Bharu: Cuaca yang tidak menentu menyebabkan bekalan sayur berkurangan sehingga mengalami peningkatan harga tiga kali ganda berbanding biasa.

Perkara itu turut diakui oleh kebanyakan peniaga yang menerima bekalan dengan harga tinggi daripada pembekal sejak November lalu dan perlu mengambil bekalan sayur dari luar terutama Thailand bagi memenuhi permintaan.

Tinjauan di Pusat Transformasi Luar Bandar (RTC) Tunjong mendapati beberapa jenis sayur seperti daun sup dijual dengan harga RM20 sekilogram (kg) berbanding RM6 sebelum ini dan daun bawang pula dijual RM18 sekilogram berbanding RM6 sebelum ini.

Selain itu, harga timun juga naik RM6 sekilogram berbanding RM4 sebelum ini, petola dijual pada harga RM10 sekilogram berbanding sebelum ini RM5 hingga RM6, terung naik RM10 sekilogram berbanding RM6 sebelum ini, dan cili merah dijual RM16 sekilogram berbanding RM12 hingga RM14 sebelum ini.

Peniaga sayur, Arifin Hamat, 42, berkata harga sayur mengalami kenaikan bermula pertengahan November lalu ketika negara



Mohd Kamirul Kamarulzaman menyusun sayur-sayuran yang dijual di Pusat Transformasi Luar Bandar Tunjong, Kota Bharu. (Foto Hazira Ahmad Zaidi/BH)

berhadapan dengan Monsun Timur Laut (MTL).

"Perubahan monsun dan faktor cuaca menjadikan pengeluaran sayur-sayuran di kebun menjadi faktor utama harga bekalan itu meningkat di pasaran, selain kos pengangkutan mahal berikutan pembekal terpaksa melalui jarak perjalanan jauh bagi mengelak daripada banjir," katanya ketika ditemui di RTC Tunjong, di sini, semalam.

Katanya, bukan sayur dari Cameron Highlands sahaja naik harga, malah sama juga sayur kampung alami kenaikan.

Ada sayur turun harga

"Antara sayur kampung alami kenaikan ialah petola daripada RM5 kepada RM10 sekilogram, selain timun daripada RM4 kepada RM6 sekilogram.

"Saya menjangkakan kenaikan

harga ini akan terus berlaku selepas ini dan mungkin sehingga Mac tahun hadapan bergantung kepada keadaan cuaca," katanya.

Peniaga sayur, Maizatul Hafizah Mat Hussin, 20, berkata bulan lalu harga sayur mengalami kenaikan sehingga membebankan peniaga, namun sejak kelmarin harga beberapa jenis sayur sudah mula mengalami penurunan.

"Antara sayur turun harga termasuk tomato dijual RM10 sekilogram berbanding RM4 sebelum ini manakala sawi pula RM8 sekilogram berbanding sebelum ini RM5 dan pada masa harga kubis turun, iaitu pada harga RM4 sekilogram berbanding RM6 sebelum ini.

"Bagaimanapun, harga sayur akan mengalami naik turun se lagi musim tengkujuh belum berakhir kerana ia bergantung kepada keadaan cuaca selain harga bekalan diperoleh daripada pem-

bekal," katanya.

Bagi memenuhi permintaan pelanggan, dia turut mengambil bekalan sayur dari pembekal di Thailand dan Cameron Highlands.

Media kelmarin melaporkan, pengeluaran pelbagai jenis sayur di kawasan Tanah Tinggi Lojing, dekat sini terjejas sehingga 40 peratus berikutan faktor cuaca hujan sejak bulan lalu.

Pada masa sama, suhu terlalu sejuk sehingga mencecah 7 darjah Celcius waktu malam serta 19 darjah celcius waktu siang turut merentas dan merosakkan tanaman sayur-sayuran berkenaan.

Timbalan Pengerusi Persatuan Penanam Bunga dan Sayur Bumi-putera Tanah Tinggi Lojing, Mohd Yusof Abdul Rahman, berkata sekiranya keadaan berterusan dan berlarutan, ia boleh mengurangkan hasil tanaman sehingga 70 peratus.



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP

BERITA ONLINE KPDN



UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

BERITA ONLINE BERTARIKH 17 DISEMBER 2024			
TARIKH	TAJUK	PAUTAN	MEDIA
17-Dec	200 keluarga terima sum-bangan Yayasan Petronas sempena Krismas	https:// malaysiaga- zette.com/2024/12/16/200- keluarga-terima-sumbangan- yayasan-petronas-sempena-	MALAYSIA GAZETTE